

05/01/1997

Muhammad serah surat adik pada Mahathir

KUALA LUMPUR: Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, berkata beliau sudah mengemukakan surat adiknya kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi menjelaskan kedudukan wang tunai RM2.4 juta yang gagal diisytiharkan di Australia pada 22 Disember lalu.

Menurutnya, perkara itu dijelaskan dalam surat yang disampaikan kepada Dr Mahathir bersama surat beliau sendiri yang menceritakan segala-galanya mengenai kedudukan wang itu, ketika berjumpa Perdana Menteri, Sabtu lalu.

"Sebenarnya saya sudah mengemukakan surat daripada adik saya itu kepada Perdana Menteri sewaktu saya mengunjungi beliau Sabtu lalu. Surat saya dan adik saya kepada Perdana Menteri menceritakan segala-galanya.

"Saya terlupa untuk memberitahu pada sidang akhbar sebelum ini. Sebenarnya saya sudah hantar surat berkenaan kepada Dr Mahathir menceritakan segala-galanya," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Seminar Ketamadunan Sains dan Teknologi Islam anjuran di Universiti Malaya, di sini semalam.

Muhammad mengulas mengapa adik beradiknya tidak memberi penjelasan bagi menyokong kenyataannya ketika beliau menjelaskan mengenai kedudukan wang itu.

Bagaimanapun, beliau tidak menyatakan adik manakah yang menulis surat penjelasan itu kepada Perdana Menteri.

Dalam sidang akhbar Isnin lalu, Muhammad berkata wang itu diamanahkan oleh abangnya, Datuk Othman dan dua adiknya, Hassan dan Datuk Raduan untuk membeli hartanah di Gold Coast, Brisbane.

Muhammad didakwa di mahkamah Australia atas tuduhan tidak mengisytiharkan wang sejumlah RM2.4 juta ketika hendak keluar dari Lapangan Terbang Brisbane pada 22 Disember lalu menuju ke New Zealand. Kes beliau akan didengar semula pada 21 Mac ini.

Ketika ditanya sama ada Badan Pencegah Rasuah (BPR) sudah berjumpa dengannya untuk menyoal siasat mengenai wang itu, beliau berkata: "Saya ikut perintah, saya taat dan setia."

(END)